

Headline	MISI KAYUH KE-2 KE MAKKAH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Dec 2023	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	13	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	597 cm ²
Journalist	Noor Hidayah Tanzizi	AdValue	RM 23,428
Frequency	Daily	PR Value	RM 70,284



MISI KAYUH KE-2 KE MAKKAH

Selepas 8 tahun suami isteri kembali sahut cabaran berbasikal ke Tanah Suci, kali ini tunai haji

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas lapan tahun, suami isteri ini sekali lagi menyahut cabaran dengan mengembara ke Tanah Suci Makkah secara berbasikal namun kali ini bagi menunaikan Rukun Islam kelima pada musim haji tahun depan.

Ahmad Mohd Isa, 35, dan Noradilah Mohd Shafie, 36, sebelum ini berjaya melaksana ekspedisi pertama iaitu menunaikan umrah pada 2016 menerusi jalan darat dengan berbasikal.

Untuk misi kedua yang diketuai bekas wartawan Che Saad Nordin, 74, pasangan itu akan turut bersama seorang lagi pengayuh iaitu Abdul Halim Talha, 56, dengan kayuhan bermula 23 November lalu di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong.

Kata Ahmad, kayuhan sejauh 12,000 kilometer (km) itu akan mengambil masa tujuh bulan dan merentasi tujuh negara termasuk Thailand, India, Pakistan, Iran, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Arab Saudi.

Menurutnya, mereka perlu menaiki pesawat dari Bangkok, Thailand untuk ke India disebabkan situasi di Myanmar yang tidak stabil ketika ini.

"Hari ini (kelmarin) kami berada di Surat Thani, Thailand dan esok (semalam) akan berbasikal ke Phum Rieng. Apabila sampai di Bangkok, kami menggunakan jalan udara ke New Dehli, India dan akan menyambung kayuhan hingga ke Pakistan dan Iran.

"Di Iran, kami akan menggunakan perkhidmatan laut untuk ke UAE kerana laluan darat akan melalui Iraq namun situasi di negara terbabit juga tidak stabil sebelum kembali berbasikal ke Arab Saudi," katanya kepada Harian Metro ketika dihubungi.

Ahmad berkata, ekspedisi itu lebih singkat berbanding kali pertama yang mengambil masa setahun tiga bulan disebabkan misi mereka untuk menunaikan haji.

Katanya, misi berkenaan cetusan idea Che Saad dan Abdul Halim yang diran-



EMPAT rakyat Malaysia, pasangan suami isteri, Ahmad Mohd Isa (kanan) dan Noradilah Mohd Shafie (dua dari kiri) serta Che Saad Nordin (dua dari kanan) dan Abdul Halim Talha (kiri) dalam misi kembara kayuhan ke Tanah Suci, Makkah untuk menunaikan haji.



AHMAD bersama isteri, Noradilah ketika kayuhan pertama pada 2016.

cang sejak 2017 sebelum dikongsi bersama mereka pada 2019, tetapi perlaksanaannya tertangguh kerana Covid-19.

"Apabila keadaan (Covid-19) pulih, mereka mulakan perancangan tahun ini dengan sasaran untuk menunaikan haji serta turut mengajak kami.

"Saya pula memang mahu menunaikan haji, jadi saya fikir ini 'jalan pintas' untuk ke sana kerana gilirannya panggilan haji saya masih lama lagi dan kebetulan kami ada pengalangan ke sana dengan basikal," katanya.

Menurut Ahmad, mereka dijangka tiba di Arab Saudi pada 15 Mei 2024 dan mengakui 'rombongan' kali ini lebih mudah kerana bersama dua rakan yang mempunyai kelebihan masing-masing dalam menjayakan misi itu.

"Setiap hari kami akan berbasikal antara 50 hingga 80km dan walaupun misi ini ada wanita dan warga emas tetapi mereka kental dan kuat semangat.

"Kami akan mula berbasikal jam 8 pagi sehingga sebelum Maghrib dan malam adalah waktu rehat.

"Kayuhan kali ini hanya Thailand dan UAE saja akan melalui jalan sama seperti dulu. Sepanjang kayuhan (di Thailand) mengimbuai kembali kenangan lama, malah dapat berjumpa semula dengan rakan di negara berkenaan," katanya.

Sementara itu, Noradilah berkata, kembara itu adalah seruan untuknya menjadi tetamu Allah dengan berbasikal dan menyifatkan ia misi yang mempunyai cabaran tersendiri berbanding sebelumnya.

Katanya, mereka akan memohon visa ziarah untuk masuk ke Arab Saudi dan kemudian akan memohon visa haji sebaik kerajaan negara berkenaan membuka permohonan.

"Ketika di Sadao, Thailand kami ada bertemu seorang lelaki dari Indonesia, (Sugiarto Gogik, 61) yang turut melakukan misi sama berbasikal ke Makkah untuk menunaikan haji dan sehingga kini kami semua melakukan kayuhan bersama," katanya memberitahu kayuhan itu dibiayai sendiri dan ada juga menerima sumbangan orang.

“Walaupun misi ini ada wanita dan warga emas, tetapi mereka kental dan kuat semangat”
Ahmad